

Naskhah al-Quran salinan tangan untuk setiap pemimpin OIC

BH 11/9/71, 03

SHAH ALAM: Pemimpin negara Islam yang akan menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya Oktober ini akan dihadiahkan al-Quran salinan tangan bermutu tinggi buatan anak tempatan.

Pengerusi Yayasan Restu Datuk Abdul Latiff Mirasa berkata yayasan itu akan menyediakan 1,000 naskhah al-Quran bernilai RM1,500 setiap satu untuk persidangan itu.

"Al-Quran itu akan menampilkan kemasan emas, kertas bermutu tinggi dan kaya dengan seni tampak hiasan Islam tempatan," katanya selepas perasmian Al-Quran Mushaf Malaysia Taba'ah 'Ain At-Taqwa (cetakan koleksi) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, semalam.

Katanya, setakat ini sebanyak 90,000 Mushaf Malaysia sudah dihasilkan dan Yayasan Restu iaitu sebuah organisasi yang menggunakan pendekatan dakwah melalui seni Islam, akan mengadakan 'road show' di luar negara bagi mendedahkan masyarakat Islam di sana terhadap Mushaf Malaysia.

"Kita juga sedang berusaha mengeluarkan al-Quran berharga RM10 supaya orang biasa juga boleh membeli," katanya.

Orang ramai boleh mendapatkan Mushaf Malaysia pada harga RM50 di Kompleks Taman Seni Islam terletak di Seksyen 10, bersebelahan Masjid Negeri di sini.

Abdul Latiff juga berkata, penghasilan Mushaf al-Quran tulisan tangan itu juga bakal menempatkan Malaysia setanding dengan negara Arab sekali gus membuktikan kemampuannya untuk muncul sebagai negara Islam yang disegani.

Katanya, projek Al-Quran Mushaf Malaysia adalah usaha anak tempatan menyediakan manuskrip al-Quran salinan tangan serta berhias indah dengan elemen seni tampak Melayu Islam kebangsaan.

Beliau berkata, Al-Quran Mushaf Malaysia mempunyai keistimewaan tersendiri kerana dari segi sejarah inilah kali pertama Mushaf Al-Quran beriluminasi penuh dibina dan disebar kepada masyarakat umum.

Katanya, penghasilan Mushaf Al-Quran atau Kitab Al-Quran bertulisan tangan itu juga bermatlamat untuk menghidupkan kembali seni mushaf, iaitu seni Islam teragung yang hilang dari dunia Islam hampir limaratus tahun dulu.

"Ia juga menjadi khazanah seni Islam paling berharga pernah dihasilkan. Dengan usaha ini negara turut mempunyai sekumpulan tenaga mahir seni Islam profesional

yang mempunyai kepakaran khusus dalam pembinaan manuskrip beriluminasi penuh dan hasil seni Islam terkini," katanya.

Latiff berkata, projek Al-Quran Mushaf Malaysia yang dilaksanakan oleh Yayasan Restu menerima sokongan Kerajaan Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan seperti Yayasan Albukhary serta sebahagian umat Islam sehingga mencapai peringkat pengiktirafan bertaraf dunia.

Menurut beliau, setiap mushaf dihasilkan itu bernilai RM35,000 sebagai nafkah perolehan untuk dana pembangunan gagasan dan sebagai imbalan kepada keprihatinan itu maka dipersembahkan Al-Quran Mushaf Malaysia Tabaah 'Ain At Taqwa kepada pihak berkeajaan.

"Sumbangan ini amat bererti dan dihargai kerana ia amat membantu membina usaha pemakmuran budaya ummah bernilai jutaan ringgit dan setiap sen akan digunakan untuk membangunkan Kompleks Taman Seni Islam Nasyrul Quran, projek terjemahan dan tafsir Al-Quran, penyebaran intensif Mushaf Al-Quran dan Kompleks percetakan Mushaf Al-Quran," katanya.

Latiff berkata, Yayasan Restu juga menghasilkan Mushaf Mahathir, satu-satunya kitab Al-Quran yang direkabentuk khas untuk Perdana Menteri.

Beliau memuji Dr Mahathir sebagai 'jurujual' negara yang terbaik kerana Perdana Menteri sering menghadiahkan Mushaf Malaysia kepada pemimpin Islam negara lain.

"Sebagai umat Islam kita sepatutnya berbangga kerana sekarang sudah ada al-Quran tulisan tangan dari Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Yayasan Restu juga sedang bekerjasama dengan kerajaan negeri Pulau Pinang untuk menghasilkan Mushaf Al-Quran yang bukan saja menumpukan kepada khat tapi terjemahan sekali serta Mushaf Bibi khusus untuk sesiapa yang mahu mewakafkan al-Quran kepada mana-mana pihak.